

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERMOHONAN MEWAKAFKAN TANAH LOT 1296, BATU 14 ½,
MUKIM HULU LANGAT**

1. TAJUK PERSOALAN

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor oleh Bahagian Baitul Mal Selangor mengenai permohonan mewakafkan tanah dialamat Lot 1296, Batu 14 ½, Mukim Hulu Langat, Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada mulanya tanah tersebut adalah untuk diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk kebajikan Agama seperti Rumah Anak Yatim, Fakir miskin, atau Muallaf. Tujuan wakaf ini ialah untuk amal jariah simati, tetapi ini tidak dipersetujui oleh dua orang waris iaitu Hj. Jailani bin Hj. Abdul Karim dan sebaliknya mereka bersetuju tanah ini diwakafkan sekiranya pihak Majlis Agama Islam Selangor setuju membayar kepada mereka sebanyak RM 20,000.00 seorang(mengikut nilai tanah semasa)

2.2 Perkara ini dibincangkan dengan Bahagian Baitulmal Selangor tetapi berpendapat supaya perkara ini dibawa dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor.

2.3 Berdasarkan kronologi diatas, perkara tersebut di bawa ke mesyuarat untuk mendapat keputusan samaada tanah tersebut boleh diterima sebagai wakaf/sah dengan sebab:

2.3.1 Tidak mendapat persetujuan dua orang dari sembilan ahli waris.

2.3.2 Dua waris menuntut bayaran dari Majlis Agama Islam Selangor sebagai balasan.

2.3.3 Tanah tersebut belum mendapat perintah atau bicara kuasa sebagai tanah pusaka dari pejabat pesaka kecil.

3 PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Mesyuarat telah sebulat suara memutuskan agar Baitulmal menerima 7 orang yang ingin mewakafkan tanah milik mereka tanpa apa-apa bayaran. Seterusnya mesyuarat juga bersetuju agar pihak Baitulmal membayar kepada 2 orang pewaris yang lain sebagai pemilik tanah, setelah dirujuk kepada jabatan Penilaian kerana konsep wakaf tidak boleh bersyarat dengan berbentuk tuntutan kewangan.

“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah dengan menerima 7 orang yang mewakafkan tanah milik mereka dan membayar kepada 2 pewaris lain yang menuntut bayaran”.